

Memelihara Keaslian
Suara dan Wajah Manusia



HARI KOMUNIKASI SEDUNIA 2026

**TATACARA ADORASI / SAKRAMEN
MAHA KUDUS (DENGAN DOA TAIZE)**

PENGENALAN KEPADA DOA TAIZÉ SEMPENA HARI KOMUNIKASI SEDUNIA 2026

Selamat datang, saudara-saudari sekalian dalam Kristus. Kita berkumpul pada hari ini untuk waktu doa dan renungan khas sempena Hari Komunikasi Sedunia. Kita hadir bersama dalam semangat doa Taizé—sebuah doa kontemplatif yang menjemput kita ke dalam kesederhanaan, keheningan, dan persekutuan antara satu sama lain.

Tahun ini, Gereja merenung tema "Memelihara suara dan wajah manusia." Di dalam dunia di mana teknologi semakin membentuk cara kita berkomunikasi, kita diingatkan tentang kepentingan hubungan sesama manusia yang sejati—suara yang menyatakan kebenaran, dan wajah yang mencerminkan martabat setiap insan.

Melalui keheningan dan nyanyian Taizé, kita membuka hati kepada Tuhan dan sesama. Semoga waktu doa ini membantu kita mendengar dengan lebih mendalam, memandang satu sama lain dengan penuh kasih dan belas kasihan, serta menyampaikan kasih Kristus dalam kehidupan kita.

Marilah kita mulakan dalam semangat hormat dan khusyuk, menjemput kehadiran Tuhan di tengah-tengah kita.



Lagu Pentakhtahan SAKRAMEN MAHAKUDUS

(Ku Masuk Ruang MahaKudus)

**Umat dijemput berlutut.*

*Ku masuk ruang Mahakudus
Dengan darah Anak Domba
Ku masuk dengan hati tulus
Menyembah Yang Maha Kuasa*

*Ku masuk ruang Mahakudus
Dengan darah Anak Domba
Ku masuk dengan hati tulus
Menyembah Yang Maha Kuasa*

*Ku menyembah-Mu
Ku sembah-Mu
Ku menyembah-Mu
Ku sembah-Mu*

*S'bab nama-Mu kudus
Kudus, Tuhan
S'bab nama-Mu kudus
Kudus, Tuhan*

Hening 5 Minit Untuk Adorasi

*Pemudahcara menjemput umat untuk melihat Yesus yang hadir dalam Sakramen Mahakudus dengan mata fizikal dan mata hati, melihat keindahan kehadiran Yesus. Selepas beberapa ketika, umat boleh duduk atau terus berlutut, mengikut keselesaan.

LAGU MAZMUR (Stay With Me)

Tinggallah bersama Aku

Di dalam doa...Di dalam doa...

LAGU MAZMUR (Laudate Omnes Gentes)

Laudate omnes gentes,

Laudate Dominum.

BACAAN INJIL (Lukas 24:13–35)

Bacaan Injil Suci menurut Injil Lukas.

Pada hari itu juga, dua orang daripada pengikut Yesus sedang pergi ke pekan bernama Emaus, kira-kira sebelas kilometer jauhnya dari Yerusalem. Mereka berbincang tentang peristiwa yang sudah berlaku. Sedang mereka bercakap dan bertukar pendapat, Yesus datang menghampiri mereka dan berjalan bersama-sama mereka. Mereka nampak Yesus, tetapi entah bagaimana mereka tidak mengenal Dia. Yesus berkata kepada mereka, “Apakah yang kamu percakapkan dalam perjalanan kamu ini?” Mereka berhenti dengan muka yang sedih. Lalu seorang

daripada mereka yang bernama Kleopas bertanya kepada Yesus, “Adakah tuan satu-satunya orang di Yerusalem yang tidak mengetahui apa yang telah berlaku akhir-akhir ini?” “Apakah yang telah berlaku?” tanya Yesus. “Perkara-perkara yang berlaku kepada Yesus, orang Nasaret itu,” jawab mereka. “Dia seorang nabi. Di sisi Allah dan pada pandangan semua orang, Dia berkuasa kerana kata-kata-Nya mahupun perbuatan-Nya. Para ketua imam dan penguasa bangsa kita menyerahkan Dia supaya dihukum mati, lalu mereka menyalibkan Dia! Kami berharap bahawa Dialah yang akan membebaskan Israel! Lagi pula hari ini hari ketiga sejak kejadian itu. Beberapa orang wanita daripada golongan kami memeranjatkan kami. Pada waktu fajar mereka pergi ke kubur, tetapi tidak mendapati jenazah Yesus. Lalu mereka kembali dan berkata bahawa mereka nampak malaikat-malaikat yang memberitahukan bahawa Yesus hidup. Beberapa orang di kalangan kami pergi ke kubur dan mendapati keadaannya seperti apa yang dikatakan oleh wanita-wanita itu, tetapi mereka tidak nampak Yesus.” Lalu Yesus berkata kepada mereka, “Alangkah bodohnya kamu! Alangkah lambatnya kamu mempercayai semua yang dikatakan oleh nabi-nabi! Bukankah Penyelamat yang diutus oleh Allah harus mengalami penderitaan itu bagi mencapai kemuliaan-Nya?” Kemudian Yesus menerangkan apa yang tertulis tentang diri-Nya di dalam seluruh Alkitab kepada mereka, mulai dari Kitab-Kitab Musa dan tulisan para nabi.

Mereka hampir tiba di pekan yang ditujui. Yesus kelihatannya seolah-olah hendak meneruskan perjalanan. Tetapi mereka menjemput Dia bermalam. Mereka berkata, “Tinggallah dengan kami. Hari

hampir malam, lagi pun sudah mulai gelap.” Oleh itu Yesus masuk ke rumah untuk bermalam dengan mereka. Dia makan bersama-sama mereka. Kemudian Dia mengambil roti, mengucap syukur kepada Allah, lalu membahagi roti itu, dan memberikannya kepada mereka. Maka sedarlah mereka bahawa orang itu Yesus. Tetapi Yesus lenyap daripada pandangan mereka. Mereka bercakap sesama sendiri, “Tidakkah hati kita berasa seperti meluap, ketika Dia berkata-kata kepada kita di tengah jalan dan menerangkan isi Alkitab kepada kita?” Mereka terus bangkit lalu balik ke Yerusalem. Di situ mereka mendapati sebelas orang rasul sedang berkumpul dengan pengikut yang lain. Mereka berkata, “Memang benar Tuhan sudah bangkit! Dia sudah menampakkan diri kepada Simon!” Lalu kedua-dua orang pengikut itu menerangkan apa yang berlaku di tengah jalan dan bagaimana mereka mengenali Tuhan pada masa Dia membahagi roti.

LAGU MAZMUR (Bless the Lord, My Soul)

Pujilah Tuhan

Pujilah namaNya

Pujilah Tuhan

Sumber Kehidupan

SAAT HENING (10 Minit)

*Pemudahcara menjemput umat untuk hening dan berbicara dengan Yesus di dalam hati, sambil membuka hati untuk membenarkan Yesus berbicara kepada mereka secara peribadi.

DOA PERMOHONAN

(Setiap permohonan diikuti dengan nyanyian Lagu Mazmur)

1. **Untuk Pemulihan dan Kedamaian dalam Komunikasi Sosial.** Ya Tuhan, di dalam dunia yang sering dilanda perpecahan, jadikanlah kami pembawa damai. Ajarlah kami untuk memperbaharui komunikasi sesama kami dengan kasih dan pengertian, agar segala usaha kami menjadi tanda kehadiran-Mu yang menyatukan.

Tuhan dengarlah doaku ini, hadirlah di sini.

Tuhan dengarlah doaku ini, dengarkanlah aku.

2. **Untuk Penggunaan Teknologi yang Beretika.** Ya Tuhan, di dalam dunia yang sering dilanda perpecahan, jadikanlah kami pembawa damai. Ajarlah kami untuk membaharui komunikasi sesama kami dengan kasih dan pengertian, agar segala usaha kami menjadi tanda kehadiran-Mu yang menyatukan.

Tuhan dengarlah doaku ini, hadirlah di sini.

Tuhan dengarlah doaku ini, dengarkanlah aku.

3. **Untuk Keberanian Menjadi Saksi Kristus dalam Komunikasi.** Ya Tuhan, kurniakanlah keberanian kepada mereka yang melayani dalam komunikasi Gereja untuk menyuarakan keadilan, harapan, dan kasih dengan teguh. Semoga suara kamiewartakan Injil-Mu dan memuliakan martabat setiap insan.

Tuhan dengarlah doaku ini, hadirlah di sini.

Tuhan dengarlah doaku ini, dengarkanlah aku.

4. **Untuk Kebijaksanaan dan Bimbingan Roh Kudus.** Bapa yang Maha Pemurah, berikanlah hikmat kepada mereka yang berkomunikasi di dalam Gereja-Mu. Semoga setiap kata dan citra dibimbing oleh Roh Kudus, demi memupuk kebenaran, persefahaman, dan pertemuan yang sejati.

Tuhan dengarlah doaku ini, hadirlah di sini.

Tuhan dengarlah doaku ini, dengarkanlah aku.

5. **Untuk Perpaduan dan Hormat dalam Interaksi Sesama.** Tuhan sumber damai, bantulah kami menghormati suara dan wajah setiap peribadi yang kami temui, baik dalam media, pelayanan, mahupun kehidupan seharian. Ajarlah kami membina jambatan dialog, empati, dan perdamaian.

Tuhan dengarlah doaku ini, hadirlah di sini.

Tuhan dengarlah doaku ini, dengarkanlah aku.

BAPA KAMI (Dinyanyikan)

*Bapa kami yang ada di syurga,
Dimuliakanlah nama-Mu,
Datanglah Kerajaan-Mu,
Jadilah kehendak-Mu di atas bumi seperti di
dalam syurga.*

*Berilah kami rezeki pada hari ini,
Dan ampunilah kesalahan kami,
Seperti kami pun mengampuni orang yang
bersalah kepada kami.*

*Dan janganlah masukkan kami ke dalam
pencubaan,
Tetapi bebaskanlah kami daripada yang
jahat. Amin.*

Mari Kita Sujud Sembah. (Down In Adoration Falling)

**Umat dijemput berlutut sehingga Sakramen MahaKudus dimasukkan kembali kedalam Tabernakel.*

*Sakramen yang sungguh agung,
mari kita muliakan.*

*Surut sudah hukum lampau,
tata baru tampillah.*

*Kar'na ind'ra tidak mampu,
iman jadi tumpuan.*

*Yang Berputra dan Sang Putra,
dimuliakan disembah,
dihormati dan dipuja,
beserta dengan Sang Roh.
Muncul dari Kedua-Nya,
dan setara disembah.*

Amin.

Paderi : Engkau telah memberi kami Roti Syurgawi

Umat : Yang mengandung segala kesegaran.

Paderi : Marilah berdoa

Tuhan Yesus Kristus, dalam Perayaan Ekaristi kami mengenangkan sengsara, wafat dan kebangkitan-Mu. Semoga dengan ibadat pujian kepada Sakramen Mahakudus ini, kami semakin menyadari betapa besarnya cinta-Mu, sehingga kami boleh mengalami keselamatan dan damai-Mu di bumi dan menikmati kebahagiaan abadi di surga. Sebab Engkaulah Tuhan, Pengantara kami.

Umat : Amen

Benediction

*Pelayan Altar menyarungkan Humeral Veil kepada paderi. Ketika Sakramen MahaKudus diangkat, loceng altar dibunyikan secara berterusan sehingga Sakramen MahaKudus diletakkan semula di atas altar.

Lagu Penutup (O Sacrament Most Holy)

*Ketika Sakramen MahaKudus sudah berada dalam Tabernakel dan Tabernakel telah ditutup, umat berdiri.

*Sakramen MahaKudus, Sakramen Ilahi,
Segala puji Syukur, S'lamanya bagiMu.*